

Headline **Habuan RM5,000 menanti juara**  
Date **05 Aug 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Selangor & KL**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **L-S32**  
Article Size **269 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,480**  
PRValue **4,439**



# Habuan RM5,000 menanti juara

## Boling sempena ulang tahun ke-25

**AZIMAH GHAZALI**

**KEPONG** - Sempena meriahkan ulang tahun ke-25 tahun Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kejohanan Boling 25 Tahun FRIM merebut Piala Ketua Pengarah.

Kejohanan pada 7 hingga 8 Ogos ini di Mega Lanes, Endah Parade, Sri Petaling itu menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM16,000, dengan juara membawa pulang RM5,000.

Pengerusi Kejohanan, Abdul Jabbar Sabli berkata, kejohanan terbuka itu menyasarkan 60 pasukan akan bertanding dari beberapa agensi kerajaan, swasta dan jemputan dan secara tidak langsung memberi jalinan kerjasama

antara agensi berkenaan.

Menurutnya, pihak media dijemput untuk menyerikan pertandingan itu dan akan bersaing sesama media sebelum kejohanan terbuka bermula.

"Boling adalah sukan rekreasi yang dapat menyihatkan tubuh badan dan minda dan ini juga secara langsung menjalin hubungan masyarakat bersama media dengan lebih erat.

"Melalui kejohanan ini juga secara tidak langsung akan membuka ruang kepada media dan juga agensi pasukan yang bertanding mengenali dengan lebih dekat FRIM sebagai sebuah institusi penyelidikan dan pembangunan hutan yang unggul di rantau ini," katanya.

Beliau yang juga Setiausaha Kehormat Kelab FRIM

berkata, pihaknya berterima kasih kepada pengurusan dan Kelab kerana memberi mandat dan sepenuh kepercayaan bagi menganjurkan program berkenaan.

Setiap pasukan yang ingin mengambil bahagian akan dikenakan yuran RM500 yang boleh dibayar melalui akaun Kelab FRIM CIMB 12510003171054, manakala format pertandingan adalah tiga sepasukan.

Kepada yang berminat mengetahui maklumat lanjut kejohanan berkenaan boleh menghubungi Mohd Shapie Jusuh di talian 013-364 8778 atau 03-6279 7560, atau mengemel ke [safiee@frim.gov.my](mailto:safiee@frim.gov.my).



Jabbar (dua, kiri) bersama Ahli Jawatankuasa Kejohanan Boling 25 Tahun FRIM